



KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN

SECRETARY GENERAL OF TREASURY

Kementerian Kewangan Malaysia

Ministry of Finance Malaysia

Kompleks Kementerian Kewangan

No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62592 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : 603-8882 3333

Faks : 603-8882 4224

Telex : FEDTRY MA 30242

Web : www.mof.gov.my

MOF.600-40/3/3 JLD2(21)(S)

➤ April 2024

**Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan**

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI TAHUN 2024 KEPADA
INDIVIDU *CONTRACT FOR SERVICE***

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) Tahun 2024 sebanyak RM500.00 kepada penjawat awam Gred 56 dan ke bawah termasuk pegawai/kakitangan lantikan kontrak. Selaras dengan keputusan tersebut, Kerajaan bersetuju untuk memanjangkan BKKA Tahun 2024 sebanyak RM500.00 kepada individu *Contract For Service* (CFS) setara gred 56 dan ke bawah yang masih berkhidmat pada 5 April 2024 dan telah dilantik sebelum 5 April 2024.

3. Selain itu, bagi pesara Kerajaan dan veteran yang dilantik semula secara CFS dan masih berkhidmat pada 5 April 2024 layak dibayar BKKA Tahun 2024 sebanyak RM500.00. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)/Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh jabatan di mana individu CFS sedang berkhidmat.

4. Pembayaran ini **tidak layak** diberikan kepada:

- (i) Individu CFS yang ditamatkan kontrak perkhidmatan dalam tempoh 1 Januari 2024 hingga 5 April 2024; dan
- (ii) Individu CFS yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2024 hingga 5 April 2024.

5. BKKA Tahun 2024 akan dibayar pada 5 April 2024 di bawah tanggungan Kementerian/ Jabatan di mana individu CFS berkhidmat pada tarikh pembayaran.

6. Pemberian BKKA Tahun 2024 ini turut dikecualikan cukai pendapatan selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK JOHAN MAHMOOD MERICAN)

s.k.:

YBHG. TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI

Ketua Setiausaha Negara
Pejabat Ketua Setiausaha Negara
Aras 4, Blok Timur
Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

YBHG. DATO' SRI WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA

YBRS. PUAN NOR YATI BINTI AHMAD

Akauntan Negara
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 7, Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana
Presint 2
62594 PUTRAJAYA